


**BAHAGIAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT**

www.mpkj.gov.my

CELIK IT

TIP

MEMANJANGKAN JANGKA HAYAT BATERI TELEFON



Di Sediakan Oleh :

Bahagian Teknologi Maklumat
Jabatan Khidmat Pengurusan
Tingkat 2A Menara MPKj
Jalan Cempaka Putih Off Jalan Semenyih
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-8737 7899 Faks 03-8734 8705
Laman Web : www.mpkj.gov.my

INFO



Pada hari ini, salah satu masalah yang sering dihadapi ramai pada peranti mudah-alih mereka adalah berkaitan bateri. Dan kini kelihatan, selain daripada hadir dengan bateri berkapasiti tinggi oleh beberapa pengueluar, Nokia kelihatan sedang membangunkan teknologi telefon dengan masa bertahan bateri sehingga infiniti.

Buat masa ini, ia dikatakan berkeupayaan untuk menjana sehingga 5 miliwatts. Namun, sasaran awal dikatakan adalah untuk mendapatkan penjanaan sehingga 20 miliwatts yang membolehkan ia menguasai peranti supaya ia kekal beroperasi pada mod standby tanpa kehilangan kuasa.

Walaubagaimanapun, tenaga yang disasarkan itu hanya berkeupayaan untuk mengekalkan peranti pada mod standby, dan sekiranya pengguna menggunakan peranti tersebut.

Namun, sekiranya mereka berjaya meningkatkan tenaga yang dikumpulkan sehingga 50 miliwatts, maka ia mungkin berkeupayaan untuk mengecap peranti secara perlahan-lahan, sekaligus mengatasi masalah kehilangan tenaga bateri pada peranti mudah-alih.

Tips Untuk Memanjangkan Jangka Hayat Bateri Anda

◆ Cas pertama kali mesti 8 jam

Apa pun jenis bateri telefon, proses mengecas untuk kali pertama sangat penting dalam menentukan usia bateri. Ini kerana apabila kita mengecas bateri, seluruh sel dalam telefon berfungsi; maka disebabkan itulah cas untuk kali pertama disarankan waktunya lebih panjang .

◆ Kosongkan bateri sebelum dicas

Pastikan bateri dalam keadaan kosong sebelum diisi. Ini adalah kesan menghindari memori ketika menggunakan bateri baru.

◆ Jimatkan penggunaan bateri telefon dengan mematikan aplikasi yang tidak digunakan.

Anda perlu mematikan aplikasi yang tidak atau jarang anda gunakan. Antaranya ialah Bluetooth, Wi fi, 3G, push email, WIFI scanning, background application dan lain-lain.

◆ Mengurangkan kecerahan skrin juga dapat memanjangkan jangka hayat bateri.

◆ Matikan telefon ketika mengecas

Pastikan telefon ketika mengecas adalah tindakan yang bijak kerana ketika telefon yang dihidupkan, arus menyebabkan elektrik yang keluar masuk akan merosakkan molekul dalam bateri kesan daripada penambahan beban pada proses kimia dalam bateri.



◆ Jangan sesekali terlebih tempoh cas bateri

Proses mengecas normal untuk bateri biasanya sekitar 2-4 jam, jika kita membiarkannya semalaman dalam keadaan bercas (anggap kita tidur sekitar 6 jam), maka bateri akan mengalami "overcharge" selama 2-3 jam, yang merupakan salah satu pembunuh tersembunyi yang dapat mempercepat kematian umur bateri.

◆ Jangan menelefon dalam keadaan bergerak

Menerima atau membuat panggilan dalam kenderaan memerlukan tenaga yang tinggi. Ini kerana telefon berusaha untuk mencari signal dari BTS yang terdekat. Aktiviti inilah yang memakan tenaga bateri yang banyak. Apatah lagi jika anda menggunakan sambungan internet dalam keadaan bergerak.

◆ Jangan biasakan menelefon sambil mengecas telefon anda.

Ketika mengecas tahap radiasi dan suhu bateri akan bertambah. Menelefon sambil mengecas telefon akan menggunakan kuasa bateri yang menyebabkan proses pengisian tenaga di dalam bateri menjadi lebih lama.

◆ Bersih itu asas kesihatan

Pastikan bateri telefon anda sentiasa bersih daripada habuk dan bendasing yang tidak diinginkan..

◆ Jangan letak telefon anda di tempat yang panas

Suhu udara yang panas adalah musuh utama setiap komponen gadget/peralatan elektronik. Baik panas atau sejuk yang berlebihan boleh merosakkan komponen tersebut, termasuk juga bateri telefon. Tertinggal di dalam kereta di cuaca panas terik, bermakna anda perlu bersedia untuk beli bateri baru.



◆ Gunakan pengecas yang original

Pengecas yang original direka dengan aliran arus yang sesuai untuk mengecas bateri telefon tersebut. Pengecas orang lain atau menggunakan pengecas yang tidak sesuai akan mempengaruhi aliran daya ke bateri dan dalam jangka panjang boleh merosakkannya.

◆ Elakkan cas telefon dalam kereta

Ketika mengecas telefon dalam kereta, kita menggunakan port pemetik api sebagai sambungan. Voltage pada kereta sangatlah tidak stabil, terutama ketika kenderaan sedang berjalan dan menyebabkan arus yang masuk ke dalam bateri juga tidak stabil. Maka apabila anda selalu mengecas dalam kereta, komponen bateri akan mudah rosak.

